| Date | 03 Dec 2021 | Color | Full Color |
| Section | National | Circulation | 27,667 |
| Page No | A16 | Readership | 83,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 398 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 5,006 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 15,019 |



# 适耕庄稻产跌剩一半

## 农民倒贴欠债

（沙阿南2日讯）引颈期盼的稻米收割期终于到来，但农业部提供的谷种素质不稳定，加上天气与害虫肆虐影响，适耕庄本季每份稻田产量，从平均9吨大跌至5吨，稻农收入大减欲哭无泪，有者甚至倒贴欠债！

雪兰莪州议长兼适耕庄州议员黄瑞林披露，适耕庄刚迎来每年两季的收割期，但本季的稻米产量却让稻农一片愁云惨雾，过去每份稻田（约3.3英亩）的8至10吨产量，锐减到5至6吨。

### 改种品种冲击收成

“撇开无法根绝的天气和害虫问题，本季谷种素质不稳定，例如抗病与结果能力较弱，也是歉收的一大原因。”

他解释，稻农从上季开始，依据农业部指示，从MR307、303、297与CL2等谷种型号，转为栽种MR219，结果品质不稳定的问题更加严重，最终收成大减。

“加上种植成本大涨50至100%不等，因此入不敷出的稻农，别说赚取盈利，有的甚至得借钱偿还债务。”

### 吁农业部发2千援金

他今早连同沙白州议员阿末慕斯甸和柏玛登州议员罗莎娜，在雪州议会厅外召开记者会，呼吁农业部体恤稻农十万火急的困境，除发放一次性的2000令吉特别援助金，也把扣水率从20%降至17%，协助丹绒加弄、适耕庄至沙白地区的近万农民面对的长期困境。

他说，大马农业研究与发展局（MARDI）也得确保新谷种素质经得起考验，尤其是大量生产的品质控管。

他促请农业部改变多年来直接发放谷种津贴予特定谷种商，长期垄断的方式，改为直接发放到稻农的户头，让稻农自由选择谷种商，刺激谷种商良性竞争。

他也呼吁最近刚升官成为财政部长政治秘书的雪州反对党领袖拿督利占依斯迈，向财政部传达农民心声，并与农业部协调如何发放拨款帮助稻农。



适耕庄本季稻米产量大跌，每份稻田仅有5至6吨产量，稻农叫苦连天。



黄瑞林呼吁农业部发放2000令吉的特别津贴，让稻农渡过本季歉收的困境。左为阿末慕斯甸，右为罗莎娜。

## 沙白稻农收成更惨

阿末慕斯甸坦言，比起产量跌剩一半的适耕庄，沙白稻农的收成更加凄惨，每份稻田2至3吨可说是常态，有的甚至完全没有收成，因此越来越多稻农选择转行，因为根本无法生存。

罗莎娜补充，若每次收成约有8吨或以上，换算每季约有1万令吉收入，看似收入优渥，但这是稻农为期6个月的收入，因为一年只有两季，还未计入各种肥料、工人与杀虫剂等成本。

Powered by: isentia

| Headline | Rice farmers suffer losses due to sharp drop in harvest | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Sin Chew Daily | | |
| Date | 03 Dec 2021 | Color | Full Color |
| Section | Metro Edition A | Circulation | 288,920 |
| Page No | 6 | Readership | 866,760 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 317 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 9,606 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 28,818 |



## 谷種品質不穩 天氣害蟲肆虐

# 產量劇減稻農倒貼欠債

（沙亚南2日讯）引颈期盼的稻米收割期终于到来，但农业部提供的谷种品质不稳定，加上天气与害虫肆虐影响，适耕庄本季每份稻田产量，从平均9吨大跌至5吨，稻农的收入因此大减，有者甚至倒贴欠债，欲哭无泪。






黄瑞林（中）呼吁农业部发放2000令吉的特别津贴，让稻农渡过本季歉收的困境，左一起为蔡斯达因，右一为罗沙娜。（议长办公室提供）

### 适耕庄每份稻田仅产5吨

对此，雪州多名州议员发声，呼吁农业部应体恤稻农十万火急的困境，发放一次性的2000令吉特别援助金，以协助稻农熬过本季的挑战。

### 黄瑞林：种植成本大涨

雪州议长兼适耕庄州议员黄瑞林今午在雪州议会厅外召开新闻发布会表示，适耕庄刚迎来每年两季的收割期，但本季的稻米产量却让稻农一片愁云惨雾，过去每份稻田（约3.3英亩）的8至10吨产量，锐减到5至6吨。

他披露，以往8至10吨的产量比比皆是，本季却只剩一半，撇开无法根绝的天气和害虫问题，本季谷种素质不稳定，例如抗病与结果能力较弱，也是歉收的一大原因。

他说，稻农从上季开始，依据农业部指示，从MR307、303、297与CL2等谷种型号，转为栽种MR219，结果本季开始大量栽种后，品质不稳定的问题更加严重，最终收成明显下滑。

"加上种植成本大涨50至100%不等，包括沙白州议员阿末蔡斯达因，与伯马登州议员罗扎娜，也在州议会辩论财案期间，列举肥料与杀虫剂等惊人涨幅，因此入不敷出的稻农，别说赚取盈利，有的甚至得借钱偿还债务。"

### 沙白稻农每份收成仅2至3吨

蔡斯达因则表示，比起产量跌到一半的适耕庄，沙白稻农的收成更加凄惨，每份稻田产量只有2至3吨，几乎是常态，有的甚至是全没有收成，因此越来越多稻农选择转行，因为根本无法生存。

罗扎娜补充，若每次收成约有8吨或以上，换算每季约有1万令吉收入，看似收入优渥，但这是稻农为期6个月的收入，因为一年只有两季，还未计入各种肥料、工人与杀虫剂等成本。

"因此若每季产量跌到8吨以下，大部分稻农可说是毫无收入，甚至得借钱还债，即使想转种其他农作物，也得面对转换土地种植用途，即失去所有津贴的难题。"



适耕庄本季稻米产量大跌，每份稻田仅有5至6吨产量，稻农叫苦连天。（议长办公室提供）

### 农业部受促调整扣水率

黄瑞林强调，稻农如今面对三重打击，从稻米歉收、成本大增到百物涨价，因此希望农业部伸出援手，调整扣水率和更改津贴发放方式，协助可缓解适耕庄至沙白地区的近万农民，所面对的长期困境。

"老生常谈的扣水率问题，已维持在20%的高标多年，对常年稻米素质稳定的适耕庄并不公平，因此广大农民希望能调降至17%。"

他说，大马农业研究与发展局（MARDI）也得确保新谷种品质，经得起考验，尤其是大量生产的品质控管。

"另外，农业部多年来发放谷种津贴的方式，是直接给予特定的谷种商，长期垄断的模式，让稻农无法选择，因此希望农业部改为直接发放到稻农的户口，让稻农自由选择谷种商，刺激谷种商良性竞争，以保证谷种品质优良。"

他也呼吁最近刚升官，成为财政部长政治秘书的雪州反对党领袖拿督礼吉，一起为农民伸张正义，传达农民的心声给财政部，与农业部协调，如何发放援款帮助稻农。

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Program jual murah diterus sehingga harga barang turun | | |
| MediaTitle | Berita Harian | | |
| Date | 03 Dec 2021 | Color | Full Color |
| Section | Nasional | Circulation | 82,252 |
| Page No | 1,2 | Readership | 246,756 |
| Language | Malay | ArticleSize | 687 cm² |
| Journalist | Oleh Suzalina Halid | AdValue | RM 22,836 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 68,508 |



# Program jual murah diterus sehingga harga barang turun

**Oleh Suzalina Halid**
suzalina@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kerajaan memberi jaminan akan terus melaksanakan Program Jualan Keluarga Malaysia sehinggalah isu kenaikan harga barangan keperluan, terutama makanan dapat diselesaikan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata program itu yang akan bermula serentak di semua 222 kawasan Parlimen esok adalah langkah intervensi kerajaan dalam membantu rakyat.

Katanya, ia akan menawarkan harga barangan keperluan harian antara 20 hingga 50 peratus lebih murah berbanding di tempat lain.

"Perancangan awal diadakan dua kali sebulan di setiap kawasan Parlimen dan kita sasarkan sehingga Februari tahun depan.

"Namun kita akan lihat dulu pelaksanaannya yang bergantung kepada keadaan harga, kalau harga berterusan tak turun kita akan meneruskan program ini sehinggalah harga barangan turun," katanya pada sidang media selepas melancarkan Program Jualan Keluarga Malaysia di kawasan Lembah Pantai, di sini, semalam.

*Nasional* 2

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Program jual murah diterus sehingga harga barang turun | | |
| MediaTitle | Berita Harian | | |
| Date | 03 Dec 2021 | Color | Full Color |
| Section | Nasional | Circulation | 82,252 |
| Page No | 1,2 | Readership | 246,756 |
| Language | Malay | ArticleSize | 687 cm² |
| Journalist | Oleh Suzalina Halid | AdValue | RM 22,836 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 68,508 |

# Kerajaan usaha bantu ringankan beban rakyat



*Ismail Sabri diiringi Nanta Linggi (kiri) melawat gerai jualan pada Program Jualan Keluarga Malaysia KPDNHEP di Blok D PPR Kerinchi, Pantai Dalam, semalam.* (Foto BERNAMA)

*Dari Muka 1*

Hadir sama, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi dan Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid.

Program Jualan Keluarga Malaysia dilaksanakan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri (KPDNHEP), Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) serta Kementerian Kewangan yang bekerjasama mencari penyelesaian terhadap kenaikan harga barangan ketika ini.

Perdana Menteri berkata, kerajaan menyedari isu kenaikan harga yang membebani rakyat ketika ini dan berusaha untuk membantu dengan mengadakan program seperti ini.

Katanya, sebahagian besar yang terbabit dalam program jualan itu adalah syarikat swasta dan beliau menghargai pembabitan mereka dalam membantu kerajaan meringankan beban rakyat.

"Ia akan diadakan di dua lokasi di setiap kawasan Parlimen dengan kriteria pemilihan lokasi adalah di kawasan yang mempunyai penduduk B40 dan M40.

"Kerajaan mengalu-alukan agar lebih banyak pihak industri akan tampil bersama- sama dalam Jualan Keluarga Malaysia di lokasi-lokasi lain yang akan ditentukan.

"Harga akan mula menurun apabila kita melambakkan sayur, ikan dan lain-lain. Ada yang kita terpaksa import bagi memastikan bekalan mencukupi dan harga dapat diturunkan," katanya.

Pada masa sama, Ismail Sabri berkata, beliau akan mempengerusikan mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) minggu depan yang membabitkan semua kementerian bagi mencari langkah penyelesaian jangka pendek dan panjang bagi membantu rakyat.

"Sebagai contoh sebelum ini, harga ais batu dinaikkan walaupun tarif elektrik tak naik, namun ini (harga) didakwa meningkat disebab kos pengangkutan.

"Jadi melalui mesyuarat itu yang juga membabitkan Kementerian Pengangkutan akan mencari jalan bagaimana untuk mengatasinya," katanya.

Beliau turut memberi amaran bahawa kerajaan tidak akan berkompromi dengan peniaga yang menaikkan harga barangan tanpa sebab dan tindakan tegas akan diambil ke atas mereka.

"Saya tidak akan berkompromi, begitu juga KPDNHEP jika ada kumpulan tertentu yang tidak beretika dan mengambil kesempatan," katanya.

Sementara itu, Nanta berkata, KPDNHEP memerlukan tempoh sebulan untuk mencari penyelesaian secara menyeluruh dan berterusan bagi menangani isu kenaikan harga barangan dan makanan.

Katanya, bagi penyelesaian jangka pendek, kementerian memperkenalkan program Jualan Keluarga Malaysia.

"Jualan Keluarga Malaysia ini adalah langkah jangka pendek supaya pengguna boleh pergi ke tempat seperti ini membeli dengan harga yang lebih kurang daripada pasaran yang dikatakan tinggi.

"Kita juga perlu melihat bagaimana untuk menangani masalah ini (kenaikan harga) untuk jangka panjang. Kita risau juga kalau kita tidak ada perancangan yang lebih menjurus kepada penyelesaian jangka panjang, takut ini (kenaikan harga) boleh berlaku pada bila-bila masa," katanya dalam temu bual program *Selamat Pagi Malaysia* di TV1 yang membincangkan tajuk Aspirasi Keluarga Malaysia 100 Hari KPDNHEP, semalam.

Nanta juga berkata, kenaikan harga barangan dan makanan disebabkan beberapa faktor, antaranya aktiviti perniagaan seperti restoran dan kedai makan yang mula beroperasi sepenuhnya selepas kelonggaran diberikan kerajaan yang menyebabkan permintaan barangan asas meningkat secara mendadak.

"Begitu juga faktor keluaran sayur-sayuran di Cameron Highlands, Pahang yang kurang kerana lazimnya hujung tahun musim tengkujuh dan industri itu kekurangan tenaga buruh asing yang telah memberi kesan kepada aktiviti pengeluaran untuk menampungnya.

"Kita juga difahamkan ada sayur-sayuran yang diimport dari negara asing, tapi apabila diimport dari negara asalnya harganya sudah tinggi," katanya.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Isu kenaikan harga barangan, perkhidmatan MPN cadang wujudkan Jawatankuasa Kabinet | | |
| MediaTitle | Berita Harian | | |
| Date | 03 Dec 2021 | Color | Full Color |
| Section | Nasional | Circulation | 82,252 |
| Page No | 4 | Readership | 246,756 |
| Language | Malay | ArticleSize | 379 cm² |
| Journalist | Kamarulzaidi Kamis dan Faiza Zainudin | AdValue | RM 12,598 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 37,794 |



### Isu kenaikan harga barangan, perkhidmatan

# MPN cadang wujudkan Jawatankuasa Kabinet

## Langkah bantu ringan beban rakyat pada waktu sukar: Muhyiddin



"Kenaikan harga barang itu akan menjejaskan proses pemulihan negara"

*Muhyiddin Yassin, Pengerusi MPN*

Oleh Tuty Haryanti Ahmad Rodzi
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Majlis Pemulihan Negara (MPN) mencadangkan penubuhan sebuah Jawatankuasa Kabinet untuk menangani isu kenaikan harga barangan dan perkhidmatan.

Pengerusi MPN, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata jawatankuasa itu bertujuan membantu meringankan beban rakyat pada waktu yang sukar ini.

"Saya mengikuti dengan dekat perkembangan semasa berkenaan isu kenaikan harga barang di Malaysia, terutama barang makanan.

"Data terkini daripada Jabatan Perangkaan menunjukkan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) bagi pengeluaran tempatan meningkat sebanyak 12.3 peratus pada September 2021, berbanding sembilan peratus yang dicatatkan pada bulan sebelumnya.

"Ini akan menyebabkan peningkatan inflasi untuk beberapa bulan akan datang yang tentunya akan membebankan pengguna," katanya dalam kenyataan, di sini, semalam.

Muhyiddin berkata, kenaikan harga barang itu akan menjejaskan proses pemulihan negara.

"MPN sudah meneliti kesan ke atas kenpayaan sektor ekonomi untuk bangkit pulih sebaik ekonomi negara dibuka semula terutama dari sudut ketidakupayaan penawaran (supply) untuk memenuhi permintaan (demand) yang boleh menyebabkan kenaikan harga barangan dan perkhidmatan," katanya.

Dalam hal ini, beliau berkata, MPN turut memberi tumpuan pada isu kekurangan tenaga kerja, yang meruncing dalam pelbagai sektor dan masalah kecairan (liquidity) dihadapi Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS).

Katanya, MPN menubuhkan Jawatankuasa Tindakan Khas berkenaan isu tenaga kerja, yang diterajui Kementerian Sumber Manusia bagi mengenal pasti langkah penyelesaian segera yang boleh dipertimbang dan dilaksanakan oleh kerajaan.

Selain itu, katanya, MPN turut menubuhkan Jawatankuasa Tindakan Khas berkenaan isu kekangan aliran tunai dan pembiayaan bagi PMKS, yang diterajui Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi.

Beliau berharap menerusi semua jawatankuasa yang dibentuk, agensi penguat kuasa akan terus melipatgandakan usaha penguatkuasaan untuk memastikan pengeluar, pembekal dan peniaga tidak mengambil kesempatan menaikkan harga pada kadar yang tidak munasabah.

Katanya, tindakan undang-undang yang tegas akan diambil di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 dan Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 terhadap mereka yang ingkar.

Sementara itu, Muhyiddin yang juga Pengerusi Perikatan Nasional (PN) turut memutuskan supaya PN menganjurkan Gerai Prihatin Rakyat, yang menjual barang keperluan harian pada harga murah di seluruh negara.

"Ahli Majlis Tertinggi PN dan Naib Presiden Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU), yang juga Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, dipertanggungjawabkan untuk mengetuai jawatankuasa pada peringkat nasional bagi menganjurkan Gerai Prihatin Rakyat ini," katanya.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Vegetable prices affected by fertiliser and pesticide price increases | | |
| MediaTitle | China Press | | |
| Date | 03 Dec 2021 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 127,822 |
| Page No | A10 | Readership | 383,466 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 136 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,683 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 8,048 |



## 農長：研究補貼農民

# 肥料農藥漲價影響菜價

（吉隆坡2日讯）农业与食品业部长拿督斯里罗南建迪透露，新冠肺炎疫情袭击导致农业投入品成本上升，其中肥料价格上涨了近30%，农药价格更上涨近100%！

他说，该部已向财政部提呈一份建议书，要求政府为受影响的农民提供额外的奖励，惟该建议仍在研究中，事后将与财政部进一步讨论。

他解释，价格上涨是由市场趋势所定。农民使用的大部分肥料和农药都是由氮、磷、钾等原料制成，从中国、美国、印度和印尼等国家进口。

"影响价格上涨的因素包括出口国减少供应的政策变化、涉及石油产品和自然资源的原材料成本增加、物流成本和外汇汇率增加。"

罗南建迪今日在国会下议院部长问答环节，如是回答巫统华玲国会议员拿督斯里阿都阿兹的提问。

他说，价格上涨确实增加农民和业者负担，导致生产成本增加，从而减少农民收入。

"受肥料和农药涨价影响的农民共有27万6621人，包括水果、蔬菜、经济作物、椰子、花卉、药材和香料，种植面积为40万5509公顷。

"同时，共有35万6000名稻农受影响，种植面积涉及60万8000公顷。"

他说，随着肥料和农药价格上涨，农民在叶菜类蔬菜的成本增加21%，果类蔬菜和水果的成本则增加17%，稻农则因农药价格上涨而面对成本增加11.9%。

"政府会继续采取措施，应对肥料和农药价格上涨问题，确保生产效率不受影响、供应充足、价格稳定且可负担。"

他补充，肥料和农药价格上涨已是事实，因此，该部鼓励农民减少依赖肥料，改用有机农业方式种植。

Powered by: isentia

| Headline | Muhyiddin: Supply unable to meet demand, govt should set up cabinet committees | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | China Press | | |
| Date | 03 Dec 2021 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 127,822 |
| Page No | A10 | Readership | 383,466 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 136 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,683 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 8,048 |



## 慕尤丁：供應無法滿足需求

# “政府應設內閣委會”

（布城2日讯）国家复苏理事会主席丹斯里慕尤丁认为，政府应该成立内阁特别委员会，以解决物价上涨的问题。



■慕尤丁

他说，复苏理事会过去曾经研究经济开放后，对经济部门服务的影响，特别是在供应无法满足需求问题，这可能导致物价上涨的原因。

“我们特别重视各行各业面对人手严重短缺，及中小型企业面对现金流的问题，因此成立了一个人力问题特别行动委员会和解决中小企现金流特别行动委员会，探讨政府可考虑和落实的补救措施。”

慕尤丁也是前首相兼国盟主席。他今日发文告说，人力问题特别行动委员会是由人资部领导，并由各相关机构组成，以便能在下次国家复苏理事会会议上提交解决问题的报告。

他说，中小企现金流特别行动委员会将由企业发展及合作社主导，这委员会主要是解决中小企在复苏期间面对的现金流问题，并希望能拟定措施，协助这些企业开展业务和营运，进而提高供应能力；该委员会也会在下次会议中提出解决方案。

“希望执法机构继续加强执法，确保生产商、供应商或贸易商，不会以不合理的原因提高物价，同时也必须根据1961年供应控制法令和2011年价格控制及反暴利法令，向违规者采取严厉的法律行动。”

另外，慕尤丁也称身为国盟主席，已议决通过国盟在全国举办“关怀人民档口”，以低廉价格出售日用品，以在这艰难时刻，帮助减轻人民负担。

他说，国盟也委任土团党副主席兼农业与食品业部长拿督斯里罗南建迪，领导全国性质委员会，以举办“关怀人民档口”活动。

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Other ministries must also answer over rising food prices, says Anwar | | |
| MediaTitle | Malaysian Nanban | | |
| Date | 03 Dec 2021 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 65,000 |
| Page No | 1,13 | Readership | 415,000 |
| Language | Tamil | ArticleSize | 345 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,007 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 6,021 |





விலைவாசி உயர்வு விவகாரத்தில்

மற்ற அமைச்சுகள் மௌனம் ஏன்?

கோலாலம்பூர், டிச. 3-
நாட்டில் பெரும் சர்ச்சைக்கு இடமாகி வரும் விலை உயர்வு விவகாரத்தில் மற்ற அமைச்சுகள் என்ன செய்கின்றன? இது தொடர்பாக எழும் கேள்விகளுக்கு அவையும் பதிலளிக்க வேண்டும் என எதிர்க்கட்சித் தலைவர் டத்தோஶ்ரீ

பக்கம் 13

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Other ministries must also answer over rising food prices, says Anwar | | |
| MediaTitle | Malaysian Nanban | | |
| Date | 03 Dec 2021 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 65,000 |
| Page No | 1,13 | Readership | 415,000 |
| Language | Tamil | ArticleSize | 345 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,007 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 6,021 |

முதல் பக்கத் தொடர்ச்சி

# மற்ற அமைச்சுகள் மௌனம் ஏன்...?

அன்வார் நாடாளுமன்றத்தில் வலியுறுத்தினார்.

நாட்டின் விலைவாசி உயர்வு குறித்து நாடாளுமன்றத்தில் விவாதிக்க பூலாய் தொகுதியில் நாடாளுமன்ற உறுப்பினர் சலாவுடின் அயூப் நீதிமன்றத்தில் சமர்ப்பித்த சிறப்புத் தீர்மானத்தை துணை சபா நாயகர் முகமட் ரஷிட் அஸ்னோண் ஏற்றுக் கொண்டார்.

இந்த தீர்மானம் மீதான விவாதத்தில் பேசிய அன்வார் நாட்டின் விலைவாசி உயர்வுக்கு உள்நாட்டு பயனீட்டாளர் விவகார அமைச்சு மட்டும் பதில் சொல்ல வேண்டும் என்பதில்லை.

நிதியமைச்சு, விவசாய அமைச்சு, உணவுத்துறை அமைச்சு மற்றும் பொருளாதார விவகார அமைச்சுகளும் பதில் சொல்ல வேண்டும்.

துணை சபா நாயகர் முடிவுப்படி சிறப்பு சேம்பர் அறையில் இந்த வாதம் நடக்குமானால் அந்த அமைச்சுக்களின் பிரதிநிதிகளும் வந்து பதில் சொல்ல வேண்டும் என்றார் அவர்.

புக்கிட் மெர்தாஜம் எம்பி ஸ்டீவன் சின் பேசுகையில், விலைவாசி உயர்வு தொடர்பான பிரச்சினைகளுக்கு அமைச்சர் அலெக்சாண்டர் நந்தா லிங்கி மட்டும் பதில் சொல்ல வேண்டும் என்பதில்லை.

எம்பிக்கள் கேட்கும் பல கேள்விகளுக்கு விடை அளிக்க வேண்டிய உரிமை மற்ற அமைச்சுகளுக்கும் உண்டு. நாம் கேள்வி கேட்டால் ஒரே ஒரு பதிலைத்தான் அலெக்சாண்டர் நந்தாவால் திரும்பத் திரும்பச் சொல்ல முடியும். சலாஹுடின் கொண்டு வந்த தீர்மானம் ஓர் அமைச்சை மட்டும் மையமிட்டிருக்கிறது.

மற்ற அமைச்சர்களும் பதில் சொல்ல வேண்டும் என்ற கடமை அவர்களுக்கு உண்டு என்ற கருத்தை தாமும் ஏற்றுக் கொள்வதாக நந்தா லிங்கி பதிலளித்தார்.

இதனிடையே இந்த விவாதத்தை தவிர்த்து விட்டு மற்ற விஷயங்களை பேசலாம் என்று துணை சபா நாயகர் முடிவெடுத்த போது இது மக்களின் அடிப்படை பிரச்சினை.

விலை உயர்வால் உணவகங்களின் விலை அதிகரித்து மக்கள் பெரும் அவதிப்படுகிறார்கள்.

நான் ஷா ஆலம் கம்போங் கெருஞ்சி என்ற பகுதிகளுக்கு சென்ற போது விலைவாசிகளால் தாங்கள் படும் சிரமங்களை மக்கள் என்னிடம் சொல்லி முறையிட்டார்கள்.

அவர்கள் ஆத்திரப்படுகிறார்கள், அரசாங்கம் பதில் சொல்ல வேண்டும் என்று விரும்புகிறார்கள் என்றார் அன்வார்.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Jualan Keluarga Malaysia mulai esok | | |
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 03 Dec 2021 | Color | Full Color |
| Section | Nasional | Circulation | 140,000 |
| Page No | 1,9 | Readership | 420,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 403 cm² |
| Journalist | Bernama | AdValue | RM 8,544 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 25,631 |






**Jualan Keluarga Malaysia Sabtu ini di 222 kawasan Parlimen dengan harga lebih rendah**

9

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Jualan Keluarga Malaysia mulai esok | | |
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 03 Dec 2021 | Color | Full Color |
| Section | Nasional | Circulation | 140,000 |
| Page No | 1,9 | Readership | 420,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 403 cm² |
| Journalist | Bernama | AdValue | RM 8,544 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 25,631 |

# Jualan Keluarga Malaysia mulai esok

Libatkan 222 kawasan Parlimen, harga sehingga 50 peratus lebih rendah

**KUALA LUMPUR**

Kerajaan akan menganjurkan program Jualan #Keluarga Malaysia di semua 222 kawasan Parlimen secara serentak bermula Sabtu ini sebagai antara usaha meringankan beban rakyat susulan kenaikan harga barang ketika ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, pada peringkat permulaan, program itu yang menawarkan barangan keperluan harian pada harga murah antara 20 dan 50 peratus disasar diadakan dua kali setiap bulan memfokuskan kepada kawasan ramai penduduk daripada golongan B40 dan M40.

"Pada peringkat permulaan, dua kawasan di setiap (kawasan) Parlimen dengan awalnya yang ramai B40 dan M40 kerana golongan itu adalah yang terkesan teruk terutama selepas penularan Covid-19," katanya pada sidang akhbar selepas melancarkan program Jualan #Keluarga Malaysia di Dataran Perpustakaan Lembah Pantai di sini pada Khamis.

Program sehari itu merupakan usaha pelbagai pihak antaranya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) selain syarikat swasta.

Menurut Ismail Sabri, penganjuran program Jualan #Keluarga Malaysia itu disasar diadakan sehingga Februari depan, bergantung kepada situasi semasa harga barangan.

Beliau berkata, usaha kerajaan melalui beberapa kementerian bertanggungjawab mengimport bekalan seperti sayur dapat memastikan ia

FOTO: BERNAMA



Ismail Sabri (tengah) melawat gerai jualan yang terdapat pada Program Jualan #Keluarga Malaysia KPDNHEP di Blok D PPR Kerinchi, Pantai Dalam pada Khamis.

mencukupi di pasaran seterusnya menurunkan harga jualan.

"Kalau harga barang jatuh sebelum Februari, jualan murah (Jualan #Keluarga Malaysia) ini tidak diteruskan, tapi kalau harga tidak turun jualan akan diteruskan... yang penting kerajaan sedar apa dialami rakyat dan tidak akan biarkan rakyat tanggung sendiri," katanya.

Mengenai program Jualan #Keluarga Malaysia pada Khamis, Ismail Sabri berterima kasih kepada 25 pemain industri runcit yang menjual pelbagai barangan keperluan harian pada harga murah seterusnya membantu kerajaan mengurangkan beban rakyat.

Sementara itu, beliau berkata, Majlis Tindakan Sara Hidup Negara akan bermesyuarat bagi membincangkan punca kenaikan harga barangan ketika ini selain menentukan intervensi jangka pendek dan jangka panjang.

Beliau berkata selain KPDNHEP, turut dilibatkan dalam mesyuarat itu ialah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta Kementerian Pengangkutan.

"Pengangkutan sering juga dikatakan punca kenaikan harga barang, misalnya alasan tukar tayar. Bukan tiap bulan tukar tayar, tak kan nak dijadikan isu sebab itu kita panggil juga Kementerian Pengangkutan," katanya.

Ismail Sabri juga menegaskan bahawa tiada sebarang kompromi dalam bentuk tindakan terhadap mana-mana peniaga yang tidak beretika dengan menaikkan harga barangan tanpa sebab munasabah ketika orang ramai dalam kesusahan. - *Bernama*

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Cari solusi hapus orang tengah | | |
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 03 Dec 2021 | Color | Black/white |
| Section | Nasional | Circulation | 140,000 |
| Page No | 2 | Readership | 420,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 143 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,602 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 4,805 |



# Cari solusi hapus orang tengah

**MELAKA -** Kerajaan negeri akan mencari solusi kepada punca utama kenaikan harga barang berterusan di Pasar Besar Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB).

Exco Perpaduan, Hubungan Masyarakat, Tenaga Kerja dan Hal Ehwal Pengguna, Ngwe Hee Sem berkata, pemeriksaan mengejut yang dilakukan bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Melaka pada Khamis mendapati terdapat barang yang dijual dengan harga tinggi kerana peniaga terpaksa melalui hingga empat orang tengah.

Menurutnya, solusi tersebut termasuk mengadakan pertemuan dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) agar dapat menghapuskan peranan orang tengah.

Hee Sem berkata, penglibatan orang tengah itu dimaklumkan sendiri oleh peniaga ayam, telur dan sayuran.

"Sebagai contoh, sayur bendi dijual dengan harga RM8 sekilogram di pasar itu sedangkan harga di ladang hanya RM4 sekilogram.

"Barang ini dari kilang atau daripada petani akan melalui orang tengah mungkin tiga hingga empat orang, dan setiap orang telah mengambil untung RM1 atau RM2 bagi satu barang jadi bila sampai di pasar mereka sudah menjual dengan harga yang tinggi.

"Kita juga telah memeriksa harga asal dan harga jualan oleh peniaga pasar, ternyata kenaikan harga barang bukan daripada peniaga," katanya selepas melakukan tinjauan di Pasar Besar MBMB Bachang, di sini pada Khamis.

Mengulas lanjut, beliau turut menyarankan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) untuk membekalkan bahan mentah kepada peniaga bagi mengawal harga di pasar basah.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Harga naik perlu diterima? | | |
| MediaTitle | Utusan Malaysia | | |
| Date | 03 Dec 2021 | Color | Full Color |
| Section | Dlm Negeri | Circulation | 107,609 |
| Page No | 10 | Readership | 322,827 |
| Language | Malay | ArticleSize | 401 cm² |
| Journalist | AHMAD FADHLULLAH ADNAN | AdValue | RM 16,461 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 49,382 |



# Harga naik perlu diterima?

**Oleh AHMAD FADHLULLAH ADNAN**
fadhlullah.adnan@mediamulia.com.my



**KENAIKAN harga barang dan makanan ketika ini mungkin perlu diterima oleh rakyat tetapi masih ada kos tertentu yang boleh diturunkan untuk menurunkan harga akhir yang ditanggung pengguna.**

**PETALING JAYA:** Kenaikan harga barang dan makanan mungkin menjadi suatu perkara yang perlu diterima dan tidak boleh dielakkan selepas tempoh pandemik yang dialami seluruh dunia sejak dua tahun lalu.

Presiden Persatuan Pengguna Subang dan Shah Alam (CASSA), Datuk Dr. Jacob George berkata, pihaknya percaya pandemik menyebabkan berlakunya kenaikan kos terutama kos operasi sekali gus menyebabkan kenaikan harga kepada pengguna.

Justeru, beliau berkata, satu pasukan bertindak perlu diwujudkan bagi mengkaji dan mencari penyelesaian kenaikan harga itu yang disebabkan oleh kos-kos operasi yang disulitkan seperti kos invois dan kos gelap yang diambil oleh kartel-kartel.

"Pasukan ini boleh bantu kenal pasti pemborong atau pengedar yang ada masalah dan mungkin bantu mereka melalui subsidi atau solusi lain supaya kos operasinya turun," katanya kepada *Utusan Malaysia* ketika dihubungi semalam.

Semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, terlalu banyak rantaian perniagaan dengan setiap satunya mengaut keuntungan berlebihan adalah antara punca peningkatan harga barang ketika ini.

Sehubungan itu, beliau mengarahkan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ronald Kiandee mencari jalan memerangi orang tengah bagi memastikan kenaikan harga tidak disebabkan manipulasi peniaga.

Dalam masa yang sama, kata Jacob, kaedah jualan terus kepada pengguna perlu dibincangkan secara teliti bagi mengelakkan timbul masalah lain kerana mereka yang berada di rantaian makanan itu juga mempunyai peranan tersendiri.

"Jika kita nak tukar semua rantaian, kita mesti ada perbincangan dengan pemegang taruh yang melaksanakan proses (orang tengah) tersebut bagi membolehkan bekalan sampai kepada pengguna.

"Kita kena lihat semua perkara yang berkait seperti sistem pengangkutan dan lain-lain. Sekiranya mahu dibuang itu (orang tengah), siapa yang akan ambil alih tanggungjawab itu," katanya.

Beliau berkata, pasukan itu juga perlu dianggotai oleh mereka yang pakar dan pegawai daripada kementerian berkaitan bagi memberi keyakinan kepada rakyat dan dapat memberikan garis panduan yang jelas.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Segera cantas orang tengah berlapis yang menyusahkan | | |
| MediaTitle | Utusan Malaysia | | |
| Date | 03 Dec 2021 | Color | Full Color |
| Section | Dlm Negeri | Circulation | 107,609 |
| Page No | 2 | Readership | 322,827 |
| Language | Malay | ArticleSize | 283 cm² |
| Journalist | Azman Ibrahim | AdValue | RM 11,617 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 34,851 |






# *Segera cantas orang tengah berlapis yang menyusahkan*

SEKARANG, sana sini rakyat mengeluh mengenai harga barang meningkat. Daripada sayur-sayuran, ayam segar sehinggalah alat ganti kenderaan. Peningkatan ini bukan kecil, tetapi ada yang meningkat mencecah 200 peratus.

Dalam erti kata lain, semua barang harga naik. Terbaharu, roti kegemaran rakyat Malaysia, Gardenia turut naik harga pada 1 Disember lalu bagi pek-pek tertentu.

Ramai pengguna pening kepala kerana sektor ekonomi baru sahaja dibuka dan ada yang baru hendak bernafas, baru sahaja dapat kerja, tetapi harga barang pula mencanak.

Nampaknya isu ini tidak akan berkesudahan selagi tiada pihak yang amat tegas dalam mengawal harga barang.

Seorang rakan yang juga peniaga pernah memberitahu kewujudan orang tengah banyak lapis yang menjadi satu daripada punca kenapa harga barang meningkat pada waktu ini.

Katanya, orang tengah di peringkat kedua dan ketiga ini mengambil kesempatan dengan menaikkan harga barang, mengambil kira keuntungan poket mereka sendiri. Ya lah, siapa yang tidak mahu untung.

Dalam hal ini, nampaknya pasaran sebenarnya menentukan harga barangan di negara ini, bukannya pihak berkuasa. Namun, sampai bila perkara ini akan berlaku?

Jangan sampai suatu hari nanti harga sebiji karipap boleh mencecah RM10, ayam segar sekilogram RM15 dan dan sebiji telur boleh mencecah 50 sen. Jika ini berlaku, ramai yang hanya mampu gigit jari, bilangan miskin bandar dijangka berganda dan majoriti termasuk dalam golongan pendapatan rendah B40.

Tular baru-baru ini dalam media sosial, seorang lelaki mendedahkan harga sayur-sayuran di peringkat pekebun dan petani masih murah, namun, menjadi mahal luar biasa apabila berada di pasaran. Ini membuktikan ada yang tidak kena dalam sistem pasaran barangan di negara ini.

Dalam menangani isu ini, beberapa kementerian perlu duduk semeja bagi berbincang mengenai rantaian pasaran barangan yang menyebabkan harganya hanya ditentukan pasaran pada waktu ini.

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Kementerian Perladangan dan Komoditi, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna serta Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri perlu segera membentuk kerjasama atau jawatan kuasa induk bagi menyelesaikan masalah ini.

Pelbagai isu dasar perlu ditangani termasuk isu baja dan racun import yang meningkat, isu makanan ternakan yang mahal dan lain-lain lagi.

Dalam erti kata lain, jangan biarkan pihak berkepentingan terus menguasai pasaran sesuka hati, sebaliknya kerajaan perlu lebih bertegas bagi memastikan harga barang terkawal, berstruktur dan akhirnya memberi manfaat kepada orang ramai.

**Azman Ibrahim ialah Penolong Pengarang Berita *Utusan Malaysia***

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Bendi RM8 sekilogram angkara orang tengah | | |
| MediaTitle | Utusan Malaysia | | |
| Date | 03 Dec 2021 | Color | Full Color |
| Section | Dlm Negeri | Circulation | 107,609 |
| Page No | 10 | Readership | 322,827 |
| Language | Malay | ArticleSize | 151 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 6,175 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 18,525 |



# Bendi RM8 sekilogram angkara orang tengah

**MELAKA:** Kewujudan orang tengah yang mengaut keuntungan atas angin mencecah RM2 dikesan menjadi punca kenaikan melambung harga barang terutama barang basah di Pasar Besar Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB).

Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Pengguna negeri, Ngwe Hee Sem berkata, perkara itu dikesan melalui pemeriksaan mengejut yang dilakukan bersama penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) negeri, semalam.

"Kita dapati wujud pihak ketiga, keempat yang mengambil kesempatan mengaut keuntungan antara RM1 sehingga RM2 bagi setiap barang diterima daripada kilang atau petani.

"Jadi apabila barangan ini diambil oleh para peniaga, harga bekalan menjadi mahal dan terpaksa dijual pada pengguna dengan kadar jauh lebih mahal," katanya selepas membuat lawatan di Pasar Besar MBMB di Bachang semalam.

Mengulas lanjut, beliau berkata, pihaknya akan segera mengadakan pertemuan dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan untuk mencari jalan penyelesaian terbaik menghapuskan peranan orang tengah.

"Penglibatan orang tengah ini didedahkan sendiri oleh peniaga ayam, telur dan sayuran sehingga sayur bendi terpaksa dijual pada harga RM8 sekilogram, sedangkan harga di ladang hanya RM4 sekilogram.

"Kita juga telah memeriksa harga bekalan yang diterima dan harga jualan ditetapkan oleh peniaga pasar, kadar ditetapkan adalah berpatutan dan kenaikan barang bukan datang dari peniaga," jelasnya.

Powered by: isentia